

# Hong Leong Bank Group Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar  
(Versi Disember 2025)  
Dikemas Kini: Disember 2025

Maklumat yang terkandung di dalam pembentangan ini adalah sulit dan adalah untuk orang yang dimaksudkan sahaja. Maklumat ini tidak boleh disalin, diedar atau disebarkan secara langsung atau tidak langsung melalui apa jua cara kepada mana-mana individu atau diterbitkan secara elektronik atau melalui percetakan, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya, untuk apa jua tujuan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu. Apabila tidak lagi diperlukan, ia mestilah dipadamkan serta-merta daripada semua peranti simpanan elektronik dan/atau sistem-sistem dapatan lain dalam sebarang bentuk dan sebarang salinan yang dibuat perlu dimusnahkan. Harta intelek yang terkandung dalam pembentangan ini adalah milik HLBB melainkan yang dinyatakan sebaliknya secara khusus.

# Isi Kandungan

PAGE 03

POLISI ANTIRASUAH &  
KORUPSI

PAGE 08

APAKAH ITU RASUAH &  
SUAPAN?

PAGE 11

KESAN RASUAH DAN KORUPSI

PAGE 12

UNDANG-UNDANG  
& GARIS PANDUAN

PAGE 18

CONTOH LIABILITI KORPORAT

PAGE 23

BAYARAN PEMUDAHCARA

PAGE 25

KONFLIK KEPENTINGAN

PAGE 28

PENELITIAN WAJAR

PAGE 30

PELAPORAN DAN PENGADUAN

PAGE 35

PERKARA YANG PERLU DAN  
DILARANG DILAKUKAN


# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 1. Polisi Antirasuah & Korupsi

# TOLERANSI SIFAR

## terhadap amalan rasuah dan korupsi




Rasuah dan korupsi membawa kesan buruk yang ketara kepada sesebuah organisasi. Ia memberi impak negatif terhadap kecekapan operasi dan menghakis kepercayaan orang ramai terhadap sesebuah perniagaan. Sebagai langkah pencegahan terhadap rasuah dan korupsi, Hong Leong Bank Group (“HLBG” atau “Bank”) komited untuk menegakkan integriti dan amalan beretika. Oleh itu, **Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi (“Polisi ABC”)** telah dikeluarkan, di mana HLBG mengambil pendirian **toleransi sifar terhadap aktiviti-aktiviti rasuah dan korupsi**. Polisi ABC ini dibangunkan dengan merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang ditetapkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”).

Sebagai **Pihak Bersekutu** kepada Bank, anda perlu memahami dan mendukung **pendirian toleransi sifar HLBG terhadap rasuah dan korupsi**

Siapakah Pihak Bersekutu?




Semua pengarah, pekerja (sama ada sementara, tempoh tetap, atau tetap), pelatih, kakitangan yang dipinjamkan, pekerja kasual, kakitangan agensi, sukarelawan, pelatih industri dan ejen HLBG, termasuk rakan kongsi, kontraktor, subkontraktor, vendor, pembekal, penyedia perkhidmatan, perunding, wakil dan semua yang melakukan kerja atau perkhidmatan bagi pihak Bank, atau mana-mana pihak yang berkaitan dengannya.



# Polisi Antirasuah & Korupsi Hong Leong Bank Group (HLBG)

- Polisi Antirasuah & Korupsi (“Polisi ABC”) ini terpakai sepenuhnya di peringkat entiti HLBG.
- Pihak Bank menggesa semua rakan kongsi, kontraktor, subkontraktor, vendor, pembekal, penyedia perkhidmatan, perunding, wakil dan sesiapa sahaja yang melakukan kerja atau perkhidmatan bagi pihak Bank, atau sesiapa sahaja yang berkaitan dengannya, agar mematuhi Polisi ABC ini semasa melakukan kerja atau perkhidmatan yang berkenaan.
- Dengan Polisi ABC ini, HLBG komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan serta komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan amalan dan sistem yang memastikan penyuaipan rasuah dan korupsi dapat dicegah.




# Polisi Anti Rasuah & Korupsi Hong Leong Bank Group (HLBG)

Polisi ABC telah dirangka dengan merujuk kepada Akta SPRM 2009 dan menetapkan kawalan dan prosedur selaras dengan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Antara lain, ia menerangkan pendirian HLBG dalam perkara berikut yang berkaitan dengan antirasuah dan korupsi:-

- Hadiah & Hiburan
- Derma & Penajaan
- Bayaran Pemudahcara
- Ketelitian Wajar
- Konflik Kepentingan
- Saluran Pelaporan & Polisi Pemberian Maklumat

 Sila baca Polisi ABC HLBG dengan klik [di sini](#)

Pihak Bank memandang serius sebarang pelanggaran Polisi ABC dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan pelantikan, pemecatan, menghentikan kontraktor/penyedia perkhidmatan pihak ketiga daripada urusan perniagaan selanjutnya dsb., serta melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan sebarang salah laku, selaras dengan keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.



# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 2. Apakah itu Rasuah & Korupsi?

## Apakah itu Korupsi?

Korupsi adalah perbuatan memberi atau menerima apa-apa bentuk kepuasan (suapan) atau ganjaran dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk lin yang bernilai tinggi untuk melaksanakan sesuatu tugas yang berkaitan dengan deskripsi pekerjaannya. *(Sumber: SPRM)*

Korupsi juga merujuk kepada penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi. *(Sumber: Transparency International)*

## Apakah itu Rasuah?

Rasuah adalah sejenis korupsi. Ia merujuk kepada perbuatan secara rasuah memberi kuasa, memberi, bersetuju untuk memberi, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, atau bersetuju untuk menerima apa-apa bentuk suapan





## Adakah rasuah hanya berbentuk wang tunai?

### TIDAK.

Rasuah juga boleh berlaku dalam bentuk hadiah seperti tawaran diskaun, undi, perkhidmatan (termasuk perkhidmatan yang menyalahi undang-undang), tawaran kerja/jawatan, pinjaman dan banyak lagi bentuk bayaran lain untuk pembayaran dan pembelian. *(Sumber: MACC)*

# Kesan Rasuah dan Korupsi



Terlibat dalam amalan tidak beretika seperti ini boleh membawa **kesan yang serius** kepada Pihak Bersekutu.

## Kesan kepada Pihak Bersekutu



**Penamatan khidmat serta-merta:** Pihak Bersekutu yang terlibat dalam rasuah/korupsi boleh diberhentikan serta-merta oleh Bank.



**Liabiliti Jenayah:** Pihak Bersekutu boleh menghadapi hukuman penjara, kadar denda yang tinggi serta rekod jenayah yang kekal.



**Publisiti Negatif:** Liputan media yang negatif dan berpanjangan mengenai skandal rasuah/korupsi.



**Impak Kepada Reputasi Profesional:** Terlibat dengan rasuah boleh menghancurkan reputasi profesional dan memusnahkan kepercayaan pelanggan serta rakan kongsi terhadap anda.

# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 3. Undang-undang & Garis Panduan



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 694**

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA 2009

# Undang-undang Anti Rasuah dan Korupsi di Malaysia

Di Malaysia, undang-undang utama mengenai rasuah dan korupsi adalah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM) 2009**

**Akta SPRM 2009 berkuat kuasa pada 1 Januari 2009**

Ia membawa kepada **penubuhan rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** sebagai sebuah badan penguatkuasaan yang bebas dan telus untuk menguruskan usaha antirasuah negara dengan berkesan dan efisien.





## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 694**

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA 2009

# Kesalahan Rasuah

Kesalahan utama yang termaktub di dalam Akta SPRM 2009

- 1 Meminta/Menerima Suapan (Rasuah)**  
Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009
- 2 Menawarkan/Memberi Suapan (Rasuah)**  
Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009
- 3 Berniat untuk Menipu (Tuntutan Palsu)**  
Seksyen 18 Akta SPRM 2009
- 4 Menggunakan Jawatan atau Kedudukan untuk Suapan (Rasuah) (Penyalahgunaan Kuasa/ Kedudukan)**  
Seksyen 23 Akta SPRM 2009



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1567**

**AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA (PINDAAN) 2018**

## Undang-undang Anti Rasuah dan Korupsi di Malaysia

**Akta SPRM (Pindaan) 2018 – Liabiliti Korporat**

**Akta SPRM (Pindaan) 2018 berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018 kecuali Seksyen 4 (Peruntukan mengenai Liabiliti Korporat)**

**1 Jun 2020 – tarikh kuat kuasa pelaksanaan Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018 mengenai Liabiliti Korporat**

Rasional utama pelaksanaan Seksyen 17A termasuk:

- Menangani jurang yang ada mengenai suapan rasuah atau penawaran sogokan.
- Memastikan pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan boleh didakwa kerana gagal mencegah rasuah dan korupsi;
- Untuk mencapai standard yang selaras dengan negara lain seperti AS dan UK.



**UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA**

**Akta A1567**

**AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA (PINDAAN) 2018**

## **Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018 – Liabiliti Korporat**


- Peruntukan ini menyatakan bahawa **organisasi komersial boleh dipertanggungjawabkan** atas kegagalan mencegah amalan rasuah yang dilakukan oleh **pihak bersekutu** demi kepentingan organisasi, **sama ada pihak pengurusan tertinggi atau wakilnya mengetahui atau tidak mengetahui** perbuatan rasuah tersebut.
- **Organisasi komersial boleh dibebaskan** daripada pertuduhan jika mereka dapat membuktikan **tatacara yang mencukupi** telah diambil untuk mencegah amalan rasuah.

# Implikasi Akta SPRM (Pindaan) 2018 – Liabiliti Korporat

Sebelum Akta SPRM (Pindaan) 2018	Selepas Akta SPRM (Pindaan) 2018
<p data-bbox="428 554 1103 715">Seorang pihak bersekutu HLBG melakukan amalan rasuah atau korupsi</p>  <div data-bbox="382 911 1156 1110" style="border: 2px solid black; padding: 10px;"><p data-bbox="407 932 1131 1089"><b>HLBG tidak dipertanggungjawabkan ke atas kesalahan tersebut</b></p></div>	<p data-bbox="1312 504 2155 775">Seorang pihak bersekutu dituduh dan disabitkan bersalah dalam memberi/menawarkan suapan secara rasuah dan terlibat dalam mendapatkan perniagaan/kelebihan untuk HLBG</p>  <div data-bbox="1335 879 2170 1033" style="border: 2px solid blue; border-radius: 15px; padding: 10px;"><p data-bbox="1431 905 2074 1008"><b>Tiada “Tatacara Mencukupi” ditetapkan</b></p></div>  <div data-bbox="1335 1168 2170 1310" style="border: 2px solid black; padding: 10px;"><p data-bbox="1370 1190 2135 1293"><b>HLBG dipertanggungjawabkan ke atas kesalahan tersebut</b></p></div>

# Contoh Liabiliti Korporat: Senario

1



## Organisasi Komersial Bank

Pihak Bank melantik Best Signboards Sdn Bhd bagi membuat papan tanda untuk cawangan yang baru dibuka di Lavender Town.

Arahan perkhidmatan termasuk reka bentuk, pemasangan dan mendapatkan permit untuk papan tanda berkenaan daripada pihak berkuasa tempatan, Majlis Bandaraya Lavender Town (MBLT).

2



## Organisasi Komersial Best Signboards Sdn Bhd

Best Signboard Sdn Bhd menerima tugas itu dan meneruskan kerja.

3



## Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Bandaraya Lavender Town (MBLT)

Sam, seorang wakil vendor berkenaan menyedari bahawa proses permohonan permit akan mengambil masa yang panjang dan akan melepasi tarikh penghantaran yang ditetapkan. Bagi mempercepatkan proses tersebut, dia membuat keputusan untuk membayar "token" RM1,000 kepada Pegawai Ali agar mempercepatkan kelulusan permohonan itu. Ali menerima wang tersebut dan meluluskan permohonan berkenaan.


**Atas penglibatan mereka dalam memberi dan menerima suapan rasuah, Sam dan Pegawai Ali boleh didakwa (sebagai individu) di bawah Seksyen 16 atau 17 Akta SPRM 2009.**

# Contoh Liabiliti Korporat: Potensi Kesalahan

4



5



## Organisasi Komersial

### Best Signboards Sdn Bhd

Memandangkan Sam ialah pihak bersekutu kepada Best Signboards Sdn Bhd, organisasi komersial itu boleh dipertanggungjawabkan di bawah Seksyen 17A, Liabiliti Korporat.

## Organisasi Komersial

### Bank

Memandangkan “token” itu diberikan kepada Pegawai Ali oleh Sam untuk mempercepatkan proses permohonan permit bagi pihak Bank, Bank juga boleh dipertanggungjawabkan di bawah Seksyen 17A, Liabiliti Korporat.

# Contoh Liabiliti Korporat: Pembelaan

Bagi kedua-dua organisasi komersial (sebagai cth; Best Signboards Sdn Bhd dan Bank), sebagai pembelaan terhadap pertuduhan **Liabiliti Korporat** masing-masing, mereka perlu membuktikan bahawa:

- a) Kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan mereka
- b) Mereka mempunyai "Tatacara Mencukupi" untuk menghalang pihak bersekutu daripada melakukan kesalahan rasuah

"Tatacara Mencukupi" itu termasuk yang berikut:



**Menetapkan polisi dan prosedur mengenai antirasuah dan korupsi**




**Melaksanakan ketelitian wajar bagi menilai integriti Pihak Bersekutu**



**Membangunkan dan melaksanakan pelan komunikasi dan latihan yang bersesuaian mengenai polisi serta komitmen terhadap antirasuah dan korupsi untuk semua pihak yang berkaitan.**

 Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk kepada [Garis Panduan Tatacara Mencukupi](#) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.




## Garis Panduan Tatacara Mencukupi, Mengikut Seksyen 17A di bawah Akta SPRM 2009

T R U S T

- T** Komitmen peringkat tertinggi (*Top Level Commitment*)
- R** Penilaian risiko (*Risk Assessment*)
- U** Melaksanakan langkah kawalan (*Undertaking of Control Measures*)
- S** Semakan, Pemantauan dan penguatkuasaan secara sistematik (*Systematic Review, Monitoring and Enforcement*)
- T** Latihan dan komunikasi (*Training and Communication*)

- TRUST adalah 5 Prinsip Utama yang ditetapkan oleh Pejabat Perdana Menteri bagi membantu organisasi komersial memahami apakah tatacara mencukupi yang patut dilaksanakan sebagai langkah pembelaan.
- Pihak Bank telah menggubal Polisi ABC serta prosedur bagi mencegah rasuah dan korupsi berpandukan kepada prinsip TRUST.

## Denda dan Penalti untuk Kesalahan



### Penalti untuk Kesalahan Rasuah dan Penyogokan (Individu)

#### Seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta SPRM 2009

- Denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, DAN
- Hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun bagi setiap kesalahan.



### Penalti untuk Liabiliti Korporat mengenai rasuah

#### Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018

- Denda tidak kurang daripada 10 kali ganda jumlah suapan atau RM1 juta yang mana lebih tinggi, DAN/ATAU
- Terhadap pegawai yang berkenaan, hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun bagi setiap kesalahan.



# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 4. Bayaran Pemudahcara

# Bayaran Pemudahcara



**Pihak Bersekutu kepada HLBG tidak boleh membuat sebarang bayaran pemudahcara untuk atau bagi pihak Bank**

## Apa itu Bayaran Pemudahcara?

- Bayaran yang dibuat bagi **mendapatkan atau mempercepatkan** pelaksanaan sesuatu tindakan atau perkhidmatan yang selayaknya oleh Bank, contoh: di mana seorang pegawai kerajaan diberi wang atau barangan untuk melaksanakan (atau mempercepatkan pelaksanaan) tanggungjawabnya.
- Yuran yang dibayar untuk **perkhidmatan keutamaan atau ekpress yang sah tidak dianggap sebagai Bayaran Pemudahcara** dengan syarat ia memenuhi syarat-syarat berikut :

**Perkhidmatan itu terbuka dan boleh didapati oleh semua orang**

**Yuran yang dikenakan adalah mengikut senarai harga rasmi yang diterbitkan**

**Yuran tidak dibayar kepada individu, tetapi kepada organisasi atau entiti**

**Satu resit sah dan rasmi boleh dikeluarkan oleh organisasi atau entiti berkenaan.**

# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 5. Konflik Kepentingan

## Apa itu Konflik Kepentingan?



Situasi di mana seseorang atau sesebuah organisasi itu terlibat dalam kepentingan, kewangan atau sebaliknya, dan mempunyai kepentingan yang boleh bercanggah dengan kepentingan yang lain.

Bank sentiasa memastikan bahawa konflik kepentingan tidak mendatangkan kesan terhadap kepentingan Bank, pemegang sahamnya, pelanggan dan lain-lain pihak berkepentingan menerusi pengenalanpastian, pencegahan dan pengurusan konflik kepentingan.

## Konflik Kepentingan



- Pihak Bersekutu hendaklah **mengisytiharkan sebarang kepentingan peribadi** dia atau orang yang mempunyai kaitan dengan Pihak Bersekutu yang mungkin terlibat dalam sebarang keputusan/perkara/transaksi Bank.
- Pihak Bersekutu Bank **mestilah tidak dipengaruhi** oleh hubungan persahabatan atau pertalian dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- Keputusan mestilah dibuat **berasaskan kepada urusan perniagaan** semata-mata.
- Sebagai **Pihak Bersekutu** Bank, anda tidak boleh membiarkan sebarang konflik kepentingan, sikap berat sebelah atau pengaruh yang tidak sewajarnya daripada orang lain mengatasi urusan dan pertimbangan professional Bank.



Kakitangan bank tidak dibenarkan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang aktiviti peribadi atau perniagaan yang bersaing atau bercanggah dengan kepentingan Kumpulan Perbankan.

# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 6. Penelitian Wajar



## Penelitian Wajar



- Bank akan melaksanakan penelitian wajar bagi menilai integriti Pihak Bersekutu, termasuk semakan latar belakang, pengesahan dokumen atau menjalankan temu bual, sebelum menjalankan apa-apa hubungan yang formal dengan mereka dan secara berkala selepas itu.
- Jika Pihak Bersekutu adalah sebuah syarikat, penelitian wajar akan dilaksanakan ke atas pengarah dan juga pengurusan kanan syarikat berkenaan.

# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 7. Pelaporan dan Pengaduan

## Pelaporan dan Pengaduan



- Jika anda **menyaksikan** atau **diberi arahan yang tidak sepatutnya** untuk melakukan sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, termasuk kesalahan oleh kakitangan Bank anda dikehendaki mengemukakan **laporan** tidak kira sama ada anda terlibat atau tidak dalam salah laku atau kesalahan (Kelakuan Tidak Wajar) itu.
- Anda boleh dipertanggungjawabkan kerana **gagal melaporkan atau bertindak atas** perbuatan orang lain jika anda mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa mereka telah melanggar mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan pengawalseliaan yang terpakai.
- Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Polisi Pemberian Maklumat HLBG dan seperti yang termaktub oleh undang-undang, anda akan dilindungi, di mana berkenaan daripada tindakan balas atau tindakan undang-undang dan jika benarkan, daripada pendedahan identiti anda, dengan syarat laporan anda dibuat dengan niat baik (walaupun jika anda tersilap dalam kebimbangan yang anda laporkan).



Sila baca Polisi Pemberian Maklumat HLBG dengan klik [disini](#)

# Pelaporan dan Pengaduan

## Siapa yang boleh menyuarakan kebimbangan?



- Mana-mana individu (secara sah atau nyata) termasuk yang memberikan perkhidmatan kepada, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan Hong Leong Bank Group (HLBG)
- Semua kakitangan HLBG


## Apakah jenis kebimbangan yang patut anda suarakan?

Anda patut menyuarakan kebimbangan mengenai apa-apa salah laku atau kesalahan (Kelakuan Tidak Wajar) yang mungkin memberi kesan buruk terhadap Bank, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:

- Sebarang kesalahan berkaitan integriti / kejujuran atau jenayah, termasuk penipuan, kecurian, pecah amanah jenayah, rasuah, rasuah dan ugut;
- Sebarang kegagalan untuk mematuhi undang-undang atau peraturan;
- Sebarang kelakuan tidak wajar yang menjadi kesalahan tatatertib; atau
- Sebarang salah urus hal ehwal Bank.



# Pelaporan dan Pengaduan



Jika anda ingin melaporkan kebimbangan mengenai sebarang Kelakuan Tidak Wajar, anda boleh menggunakan [Borang Pemberian Maklumat](#) Bank untuk memberikan butiran yang diperlukan.

## Pelaporan dan Pengaduan



- Anda digalakkan untuk menyuarakan kebimbangan yang berkaitan dengan insiden rasuah/korupsi sama ada benar atau disyaki berlaku atau kekurangan Program ABC kepada HLBG secepat mungkin.
- Sila rujuk kepada [Polisi Pendedahan Salah Laku HLBG](#) untuk mendapatkan butiran mengenai bagaimana kebimbangan yang sedemikian boleh disuarakan kepada Lembaga Pengarah dan/atau disampaikan secara anonim (tanpa nama).
- Polisi Pendedahan Salah Laku Bank melindungi identiti pemberi maklumat, serta melindungi pemberi maklumat daripada tindakan balas dan tindakan buruk ke atas pekerjaan atau tindakan undang-undang, dari pendedahan identiti anda asalkan pendedahan berkenaan dibuat dengan niat baik.
- Jika perlu, Bank akan melaporkan maklumat insiden rasuah dan korupsi kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

# Antirasuah & Korupsi

Modul Latihan Untuk  
Pihak Luar

## 8. Perkara yang Perlu dan Dilarang Dilakukan

## ANDA PERLU:



- ✓ Memahami Polisi ABC HLBG dan undang-undang yang berkaitan
- ✓ Memastikan kerjasama semasa proses ketelitian wajar Bank
- ✓ Memahami risiko dan impak rasuah & korupsi
- ✓ Laporkan kebimbangan anda kepada pihak yang berkenaan apabila berlakunya rasuah atau korupsi
- ✓ Pastikan anda mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan

## ANDA DILARANG:



- X Turut sama melakukan rasuah/korupsi
- X Membuat bayaran pemudahcara
- X Menawarkan hadiah wang kepada wakil Bank
- X Menawarkan hadiah atau hiburan yang bercanggah dengan Polisi ABC Bank
- X Memberikan maklumat palsu atau mengelirukan di dalam proses ketelitian wajar Bank

# Terima kasih

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau pendapat, sila hubungi kami di:  
[eio@hlbb.hongleong.com.my](mailto:eio@hlbb.hongleong.com.my)